

Serum Mahathir kepada  
kesatuan - kesatuan sekerja

---

# FIKIRKAN SEMULA CARA BERTINDAK

KUALA LUMPUR 8 Julai — <sup>(P)</sup> Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sudah sampai masanya kesatuan - kesatuan sekerja memikirkan semula cara - cara bertindak dan peranannya sebagai pelindung serta alat kebajikan para pekerja di negara ini.

Perdana Menteri mahukan kesatuan - kesatuan sekerja supaya tidak mementingkan keuntungan jangka pendek dalam memperjuangkan kepentingan pekerja sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi yang akan menghadkan keuntungan jangka panjang para pekerja.

UM - 9 JUL 1989

Perdana Menteri berkata, sudah sampai masanya kesatuan - kesatuan sekerja memikirkan semula cara - cara bertindak dan peranannya sebagai pelindung serta alat kebajikan para pekerja.

Beliau menegaskan, tindakan perusahaan, berkonfrontasi dan mendesak sesuatu dari kerajaan atau majikan untuk memenuhi tuntutan para pekerja adalah cara lapuk dan tidak sesuai untuk kepentingan jangka panjang.

"Saya berharap kesatuan - kesatuan sekerja dan para pekerja tidak memikirkan hanya tentang keuntungan jangka pendek. Memang benar tindakan perusahaan (seperti negara Barat) boleh membawa

LIHAT MUKA 11

## FIKIRKAN SEMULA CARA BERTINDAK

UM 9 JUL 1989

keuntungan segera, tetapi ia menjejaskan pertumbuhan ekonomi yang akan menghadkan keuntungan jangka panjang pekerja," katanya semasa berucap merasmikan Konvensyen CUEPACS di sini pagi ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan para pekerja di negara ini supaya tidak terpengaruh dengan galakan para pemimpin kesatuan sekerja di Barat bagi menegakkan kebebasan para pekerja.

Beliau berkata, para pemimpin berkenaan di Barat menggalakkan perjuangan kebebasan pekerja di negara-negara membangun hanya untuk menyebabkan tindakan perusahaan berleluasa di negara-negara itu, yang kemudian mengakibatkan daya bersaing barangan keluaran negara membangun jatuh.

Katanya, kesatuan sekerja di Barat sengaja mahukan kesatuan di sini bertindak melulu, mogok dan tindakan perusahaan yang lain untuk kepentingan mereka sendiri.

"Jika benar mereka bersimpati dengan para pekerja kita, mereka harus menolong menjayakan pemasaran barang-barang kita di negara mereka yang kaya. Tetapi merekalah yang mendesak supaya dikenakan sekatan terhadap barangan kita, ditarik balik GSP dan lain-lain lagi," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan berpendapat nasib para pekerja dan penganggur hanya boleh diperbaiki dengan adanya pertumbuhan ekonomi yang pesat.

"Kita yakin kalau ekonomi maju, maka tidak dapat ti-

dak, pekerja akan mendapat nikmat yang lebih. Ke arah ini, kita akan memberi galakan kepada pelabur-pelabur supaya mereka berjaya dan dengan ini menarik lebih ramai pelabur sana ada dari dalam dan luar negeri," ujarnya.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menyeru Semua pihak khususnya kesatuan sekerja mengkaji pencapaian pekerja-pekerja melalui tindakan perusahaan dan bandingannya dengan negara-negara yang mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Perhatikanlah, bagaimana negara yang kaya rayapun mengalami kemerosotan ekonomi akibat tindakan perusahaan dan pekerja-pekerja mengalami kemerosotan pendapatan," katanya.

Beliau berkata, jika kesatuan sekerja dan para pekerja memberikan kerjasama misalnya bekerja keras dan meningkatkan lagi produktiviti, ia akan menolong usaha negara meningkatkan ekonomi dengan lebih pesat.

"Akhirnya para pekerja akan menikmati pendapatan seperti yang dinikmati oleh negara-negara perindustrian baru (NIC) dan Jepun," tambah beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa konsep dan peranan kesatuan sekerja sebagai kumpulan pendesak dengan 'senjata-senjata' tertentu telah diadakan lebih dari 100 tahun dan kini dianggap tidak sesuai.

"Zaman sudah berubah, majikan bukan

lagi satu kumpulan kepentingan pekerja yang terlalu tamak, yang memperhambakan pekerja-pekerja mereka. Majikan memainkan peranan yang penting mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Mereka memberi cuti yang berpatutan, membiayai pencen dan mengadakan kemudahan rawatan serta riadah bagi para pekerja. Jika mereka tidak berlaku adil, ada undang-undang yang boleh digunakan terhadap mereka," tegas beliau.

Sambil menegaskan, kerajaan tidak mahu menghapuskan kesatuan-kesatuan sekerja atau membela-bela para pekerja, beliau bertanya, apakah nasib pekerja-pekerja hanya boleh diperbaiki dengan tindakan perusahaan?

"Atau apakah jalan-jalan lain seperti menolong meningkatkan pertumbuhan ekonomi tidak lebih berkesan, dalam usaha memperbaiki nasib pekerja-pekerja? Sama-samalah kita memikirkannya," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia harus mencontohi empat negara NIC iaitu Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura, yang berjaya memberikan pendapatan yang lebih kepada para pekerja kerana pertumbuhan ekonomi yang pesat dan bukannya melalui tindakan perusahaan.

Terdahulu dan itu, Perdana Menteri mengucapkan setinggi penghargaan kepada Presiden CUEPACS, Encik A. Rangunathan yang akan bersara esok, kerana perannya yang aktif dalam memupuk hubungan baik antara kongres itu dengan kerajaan demi

Turut hadir ialah Menteri Buruh, Datuk Lim Ah Lek, Timbalan Menteri Buruh, Datuk

K. pathmanaban dan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Encik Zainal Rampak.